



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 (77)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### KONSERVASI SENI VISUAL PEMULIHAN BENCANA DILANCARKAN PASCA BANJIR

**26 Februari 2021** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Balai Seni Negara mengambil inisiatif dengan membantu para penggiat seni yang terjejas akibat bencana banjir di Pahang baru-baru ini. Inisiatif Art Hospital yang diperkenalkan ini bertujuan membantu para penggiat seni dalam proses konservasi serta rawatan yang khusus dari aspek pemuliharaan karya.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan Seni dan Budaya berkata, musibah banjir yang melanda negeri Pahang turut menjejaskan para penggiat seni di mana salah seorangnya terjejas dengan hampir 30 buah karya rosak disaluputi lumpur dalam kejadian banjir. Usaha ini bagi memastikan penggiat seni terjejas dapat kekal berkarya dalam tempoh pemulihan akibat banjir yang melanda.

Dalam satu tinjauan yang dilakukan, pelukis Mohaida Aini Mohd berkongsi kesedihan di mana rumah peninggalan keluarga yang dijadikan studio serta ruang simpanan karya koleksi beliau ditenggelami banjir dan lumpur. Menurutnya lagi, usaha untuk menyelamatkan karya tidak dapat dilakukan dan beliau kini amat terkesan akibat banjir besar yang melanda di kawasan ini.

Sementara itu, Musrizal Mat Isa, Pengarah Seksyen Koleksi dan Konservasi berkata, aktiviti konservasi pemulihan bagi karya-karya yang terkesan dijalankan selama lima hari bermula dari 15 hingga 19 Februari 2021 yang lalu. Kerja-kerja ini dilakukan di studio pelukis sehingga selesai dan dipindahkan ke studio rakan pelukis yang terletak berhampiran lokasi asal. Kerja-kerja adalah melibatkan rawatan cucian secara mekanikal dan cucian basah pada lumpur. Selain itu, kaedah penyimpanan karya juga akan diberikan perhatian khususnya selepas karya-karya ini dibawa ke tempat penyimpanan baharu nanti.

Aktiviti pemulihan karya selepas sesuatu bencana ini merupakan tindakan awalan dan akan menjadi satu permulaan untuk aktiviti sokongan sosial bagi pelukis-pelukis lain dalam usaha untuk memperkenalkan Art Hospital kepada para penggiat seni di Malaysia. Ia juga diharap dapat menjadi salah satu platform oleh Kementerian dalam membantu penggiat seni untuk terus berkarya.

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [info@motac.gov.my](mailto:info@motac.gov.my)

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac